

(LETTERHEAD KONTRAKTOR)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami

17hb Januari, 2020

(Alamat peguam)

.....
.....

Tuan,

Per: ARAHAN PEMBAYARAN KEPADA KOPERASI ARASH JAYA (KORAYA)

Fail No: AZCO/LPPSA/IJC/01/2019

Jumlah Bayaran : RM35,000.00

Kami merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa kami merupakan kontraktor yang dilantik untuk pembinaan sebuah rumah(jenis rumah) melalui satu **Perjanjian Jualbeli Bertarikh 6hb Jun 2019** di mana butir-butirnya adalah sebagaimana berikut;

Penjual : Mohd Rosli bin Deraman (No. K/P: 870908-03-6756)
Pembeli : Siti Khadijah bt Ahmad (No. K/P: 900807-03-6756)
Hartanah : PT 6787 HS (M) 523, Mukim Maka, Daerah Tanah Merah, Kelantan
Jumlah Pembiayaan : RM300,00.00
Pembiaya : LPPSA

Dengan ini kami memohon Tuan membuat pembayaran terus wang berjumlah RM35,000.00 tersebut kepada Koraya Bhd dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas kemasukan pembayaran daripada LPPSA ke dalam akaun tuan selaku Pemegang Pertaruhan untuk pinjaman ini.

Pembayaran tersebut hendaklah dilakukan melalui cek atau '*online tranfer*' kepada Koperasi Arash Jaya Kelantan Berhad.

Sebagaimana yang pihak Tuan sedia maklum, bayaran kemasukan tersebut dilakukan oleh LPPSA sebagai Bayaran Kemajuan Kerja setelah mendapat kelulusan daripada JPPH berjumlah sebanyak 65%. Jumlah tersebut merupakan bayaran balik pembiayaan oleh Koraya Bhd kepada kami.

Adalah dimaklumkan bahawa arahan ini tidak boleh dibatalkan dan ditarik balik tanpa persetujuan Koraya Berhad serta kami juga memberi kebenaran kepada Koraya Berhad atau wakilnya akses penuh kepada Peguam Pemegang Pertaruhan yang dilantik untuk memeriksa dan mendapatkan maklumat tentang sebarang urusan berkaitan tuntutan kemajuan kerja serta status bayaran dari LPPSA.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak Tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(pengarah)